



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	BERITA HARIAN		
TARIKH	24/1/2017	MUKA SURAT	18
JABATAN	UMUM		
KLASIFIKASI	PERHATIAN		

SUSULAN AIR BAWAH TANAH ELAK KRISIS BEKALAN

Gubal akta baharu elak sumber potensi dieksplotasi

● Pemegang lesen perlu patuhi jumlah dimohon, denda tinggi jika langgar peraturan

Oleh Osman Lisut
manlee@bh.com.my

Kuala Lumpur

Keraajaan disaran menggunakan akta atau undang-undang bawah selia sumber air tanah atau wal selia sumber air tanah atau air bawah tanah, sekali gus mengelak pihak tertentu memanfaat pulasi sumber berkenaan.

Undang-undang sedia ada, Akta Air 1920 (Pindaan 1989), Akta Kerja-Kerja Saliran 1954 (Pindaan 1988), Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) hanya tertakluk kepada pengambilan air sungai dan empangan untuk kegunaan domestik, industri atau pertanian.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata akta baharunya perlu mensyaratkan pemegang lesen mematuhi jumlah pengeluaran air tanah yang dimohon, bukan dilakukan tanpa kawalan atau secara berlebihan.

“Denda yang tinggi perlu dikemukakan bagi setiap kesalahan, sebaiknya tidak langsung boleh menjadi peringatan dan memastikan bekalan air tanah negara terjamin,” katanya kepada BH.

Nadzim berkata, beliau difahamkan kerajaan ada menghantar pegawai dan penyelidik ke Korea Selatan yang memiliki ribuan telaga air tanah untuk kegunaan rakyat, bagi mengkaji teknologi pengeluar-

ran air bawah tanah serta akta yang diguna pakai di sana.

Kempen kesedaran

Selain akta dan undang-undang mengenai sumber air, katanya, kempen kesedaran juga perlu dilaksanakan untuk mendidik pengguna supaya tidak membazirkan air terawat, termasuk menyiram pokok dengan menggunakan air hujan yang disimpan.

“Begitu juga apabila paip dibuka begitu sahaja dan membiarkan air bersih mengalir keluar.


“Sepertinya air bersih berkenaan digunakan untuk tujuan minuman, memasak, membasuh pakaian dan aktiviti harian lain,”

Beliau menyarankan kerajaan

mempercepatkan penggunaan air bawah tanah yang banyak di negara ini sebagai satu lagi sumber sekali gus tidak perlu terlalu bergantung kepada sungai atau empatangan.

“Krisis bekalan air bersih tiada penghujung, terutama setiap kali kemarau, El Nino atau pencemaran sungai sehingga air terpaksa dicuci, ada kalanya berhari-hari. Rakyat rimas, sekejap ada air sekejap tiada dan berpendapat bahwa ia takut kepada syarikat konsesi seperti tidak berbaloi,” katanya.

Kelmarin, BH mendedaharkan Malaysia tidak sepatahnya berdepan krisis bekalan air kerana negara ada kira-kira 63.5 bilion meter padu air bawah tanah, namun hanya 1.5 peratus digunakan.



Keratan akhbar BH
kelmarin.

